

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 32-33

RUANGAN : PERSPEKTIF



Helikopter dinaiki pasukan PDU dari kampung Lakok, Kelantan, untuk menghantar pesakit ke Hospital Gua Musang.

# 'Doktor udara' membelah belantara

Pelbagai cabaran bukan halangan PDU curah bakti beri perkhidmatan kesihatan di kawasan terpencil

◀ Helikopter jadi pengangkutan utama membawa 'doktor udara'.



Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Berpantang mati** sebelum ajal. Berdepan dengan pelbagai cabaran, situasi yang mendebar dan berisiko kehilangan nyawa atau kecederaan, sudah menjadi asam garam dilalui, demi memberi perkhidmatan kesihatan terbaik kepada masyarakat.

Umpamanya, kejadian helikopter dipukul angin lintang dan berpusing di udara pada ketinggian 1,524 meter dari atas laut sebelum terhempas ke tanah, antara tragedi nahas yang terus terpahat dalam memori.

Itulah antara pengalaman pahit getir dilalui oleh petugas Pasukan Doktor Udara (PDU), Kementerian Kesihatan (KKM) ketika memberikan perkhidmatan perubatan terbaik kepada masyarakat terutama di kawasan pedalaman.

Bagi kebanyakan senario kawasan terpencil itu tidak mempunyai akses jalan darat, sesetengahnya perlu merentasi hutan belantara, bukit-bukau meredah sungai, lantas memerlukan perkhidmatan 'doktor udara' untuk ke sana.

Lazimnya, selepas PDU berlepas dari sesebuah hospital atau klinik kesihatan dengan helikopter ke sesuatu kawasan tugas, mereka akan menyambung lagi perjalanan menaiki kenderaan pacuan empat roda (4X4) merentasi jalan berbatu, tanah merah, jika hujan laluan berlumpur ke lokasi tujuan.

Semua cabaran itu tidak pernah dihiraukan PDU, demi memberi rawatan kesihatan kepada penduduk terpencil seperti penempatan Orang Asli.

## Pengalaman mendebar

Bagi Pegawai Perubatan, Dr Murnirah Abd Rahman yang sudah empat tahun di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kinta, Perak, mengukui melalui pelbagai pengalaman mencabar membuatkan dirinya lali.

Beliau yang juga antara lima PDU yang terbahit insiden nahas helikopter pada 26 Oktober lalu di Brinchang, Cameron Highlands, Pahang, baru-baru ini sebenarnya masih trauma, namun itu tidak melemahkan semangat bertugas.

Ketika kejadian, pasukan mereka dalam perjalanan pulang ke Ipoh, selepas selesai menjalankan sesi klinik berkala di perkampungan Orang Asli di Gua Musang, Kelantan.

Beliau yang duduk di kerusi penumpang bahagian belakang, pada ketika itu tidak dapat nampak dengan jelas pemandangan di hadapan.

Cuma cuaca kurang baik ketika melalui lokasi kejadian dan berasa amat berdebar-debar tetapi masih percaya helikopter akan dapat melatutnya dengan selamat.

Namun, dalam tempoh singkat katanya, helikopter dinaikinya tiba-tiba berpusing dengan laju menyebabkannya terus menutup mata kerana berasa amat takut dan hanya teringat merasa suatu hentakan kuat.

"Apabila terjaga saya dapati sudah berada di atas tanah dalam keadaan badan yang amat sakit dan terus cuba menggerakkan kaki serta tangan bagi memastikan keadaan anggota badan."

Lihat muka 33



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 32-33

RUANGAN : PERSPEKTIF

# Terkandas akibat cuaca buruk

Cabaran terbesar Pasukan Doktor Udara (PDU) perlu berkhidmat di kawasan terpencil yang mempunyai pelbagai risiko termasuk terkandas di kampung Orang Asli akibat perubahan cuaca ketika terbang di udara.

Cuaca tiba-tiba hujan, angin kuat, awan tebal melitupi puncak bukit dan pandangan juruterbang helikopter menyukarkan meneruskan perjalanan.

Banyak cabaran memerlukan kekuatan fizikal untuk membawa serta memindahkan peralatan rawatan, ubatan dari helikopter ke lokasi klinik dengan menempuh perjalanan hutan, bercerun dan meredah air sungai.

Peralatan biasa dibawa ialah mesin ultrasound mudah alih, penimbang berat, pengukur ketinggian, glukometer, ubat-ubatan, bakul makanan kanak-kanak kurang zat makanan, beg kecemasan dan banyak lagi.

Menurut Pegawai Perubatan Jabatan Kesihatan Perak, Dr Lau

Kin Mun, setiap bulan anggota pasukan perlu menimbang berat badan masing-masing untuk memastikan jumlah berat penumpang, peralatan serta bahan api helikopter tidak melebihi had bebanan dan keseimbangan penerbangan helikopter.

"Jika perlu membawa bekalan susu formula yang banyak, mereka perlu mengurangkan membawa peralatan lain pada hari itu.

"Walaupun nampak remeh, tetapi demi keselamatan ia perlu sentiasa dipatuhi bagi mengelak kejadian tidak diingini.



"Untuk keselamatan setiap tahun anggota PDU perlu menjalani latihan keselamatan dan kecemasan helikopter termasuk latihan kemandirian hutan sebagai persediaan menghadapi situasi lasak," katanya.



Dr Kin Mun

### Pengalaman terburuk

Setakat ini beliau tiada pengalaman buruk dilalui jika dibandingkan dengan insiden menimpa PDU, baru-baru ini, iaitu helikopter terhempas.

Hanya antara pengalaman tidak menggembarakan perlu dilalui terpaksa menunggu beberapa jam hingga cuaca

kembali baik untuk penerbangan pulang ke Ipoh.

Pengalaman tidak dapat dilupakannya apabila ada seorang pesakit wanita 'lari' selepas dimaklumkan perlu diterbangkan ke hospital dengan helikopter untuk rawatan lanjut.

PDU menguruskan pesakit yang perlu dibawa dari kampung Orang Asli ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Antara cabaran perlu diharungi PDU iaitu berjalan kira-kira 15 minit sebelum tiba di kampung Orang Asli selepas helikopter mendarat.



"Pesakit wanita itu mempunyai masalah tiroid hingga menyebabkan jantung berdegup laju daripada biasa, akhirnya dia tidak muncul, mungkin kerana takut menaiki helikopter," katanya.

### Malu, takut dengan orang luar

Dr Kin Mun menjelaskan cabaran awal memberi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli ialah kurang mendapat sambutan kerana mereka masih rasa malu dan takut dengan kehadiran orang luar.

"Jadi kami akan bawa bekalan makanan seperti roti canai, sandwich dan makanan sukar diperoleh mereka," katanya.

Perkhidmatan PDU berkala setiap Isnin sehingga Khamis di luar lokasi memberikan rawatan pesakit di bawah khemah yang panas sehingga dua hingga tiga jam, berbanding atau hospital ada penghawa dingin.

Peranan utama beliau ialah menjalankan tugas pentadbiran PDU di peringkat jabatan manakala Dr Murnirah bertanggungjawab bagi tadbir urus dan menjalankan sesi klinik PDU di lapangan.

# Diuji angin lintang, helikopter terhempas

Dari muka 32

"Ketika itu, saya hanya mampu panjatkan kesyukuran kepada Allah kerana masih bernyawa walaupun mengalami kecederaan dan merasa sangat terkejut dengan situasi berlaku terlalu pantas itu," katanya.

### Tugas doktor udara unik

Ibu kepada dua anak itu berkata, sudah sedia maklum pelbagai risiko bakal dihadapi ketika mula menyertai pasukan itu.

"Jujur saya masih terbayang situasi yang dialami, tetapi ia tidak melemahkan semangat untuk kembali bertugas dan 'terbang' semula.

"Saya sudah mendapat semangat dan sokongan tidak putus daripada anggota pasukan. Mereka juga masih bersemangat tinggi untuk berkhidmat walaupun selepas mengalami insiden ini," katanya.

Beliau berasal dari Batu Gajah, Perak menjelaskan ketika mendapat pe-

luang menyertai PDU pada 2019 lalu, suaminya Abdul Latif Ab Razak, 38, dan keluarganya banyak memberikan sokongan.

Bertugas sebagai 'dokter udara' adalah tugas yang unik, membuatkan dirinya teruja, apatah lagi ia dapat menerokai kawasan pedalaman.

Tiada talian telefon, sesi klinik dijalankan di kawasan luar dan waktu tugasan yang tidak menentu.

"Ada hari ketika cuaca tidak mengizinkan, kami tidak dapat terbang ke kampung Orang Asli. Biasa juga sudah terbang, tetapi terpaksa patah balik kerana cuaca buruk di pertengahan jalan.

"Ada juga hari ketika dalam perjalanan pulang kami terkandas dan terpaksa bermalam. Ini cabaran biasa dilalui sebagai PDU," katanya.

### Teruja lihat pemandangan alam

Akuinya, sehingga kini setiap kali perlu bertugas menaiki helikopter dia akan merasa teruja kerana



Dr Murnirah (tudung putih) membuat pemeriksaan kesihatan bagi kes ibu hamil dan kanak-kanak di kampung Orang Asli.

berpeluang melihat pemandangan pergunungan dan perkampungan Orang Asli yang indah.

Inilah pengalaman amat berbeza apabila bertugas menaiki kenderaan darat.

"Jika berdepan situasi seperti angin kuat dan cuaca buruk, sudah pasti akan ada perasaan berdebar-debar tetapi saya dan pasukan bertawakal kepada Tuhan dan mempercayai kemampuan juruterbang berpengalaman membawa kami kerana mereka lebih arif.

"Kami puas dan pengalaman bermakna dapat membantu Orang Asli memerlukan khidmat kesihatan

berada pada tahap baik," katanya.

Dr Murnirah teruja mahu memulakan tugas PDU yang kini ditangguhkan sementara sehingga Januari depan selepas kejadian nahas itu.

Anggota PDU terbahit juga memerlukan masa untuk memulihkan semula kesihatan sepenuhnya dari segi fizikal dan mental.

"Saya berharap seluruh pasukan dapat berbakti semula seperti biasa kepada masyarakat Orang Asli di pedalaman," katanya.

Beliau bangga mampu menabur bakti khidmat kesihatan Orang Asli termasuk penjagaan ibu hamil, penjagaan tumbesaran dan imunisasi kanak-kanak, rawatan penyakit kronik seperti darah tinggi, strok, kencing manis dan rawatan pesakit luar.

Sejak 2019, PDU menawarkan perkhidmatan bakul makanan kepada kanak-kanak Orang Asli kekurangan zat makanan susu formula khas serta multivitamin di lima kampung.

"Kita juga melakukan penerbangan kecemasan atau (MEDEVAC) bagi pesakit ketika sesi klinik PDU dan memerlukan rawatan kecemasan di hospital atau ibu hamil sarat menunggu masa bersalin," katanya.